

LAPORAN KHAS

SEMPENA PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA 2013

Satu Jawatankuasa Keselamatan Hospital RIPAS ditubuhkan menangani isu-isu keselamatan

Laporan : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Isu kes-kes kecurian di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) adalah antara isu yang dibangkitkan pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

"Malangnya juga kes-kes kecurian ini yang menjadi mangsa ialah pesakit-pesakit di mana mengikut rekod Hospital RIPAS bahawa 12 kes telah dilaporkan pada tahun 2011, ianya meningkat dua kali ganda iaitu 24 kes," Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyatakan perkara tersebut ketika mengulas persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata, Kementerian Kesihatan telah mencari jalan untuk menangani masalah ini dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Keselamatan Hospital RIPAS pada awal tahun 2012 untuk meneliti dan mengenal pasti serta bagaimanakah menangani isu-isu keselamatan di hospital ini yang semakin berleluasa termasuklah kes-kes kecurian yang dilaporkan.

"Jawatankuasa ini bukan sahaja terdiri dari kalangan pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan khususnya di Hospital RIPAS malahan juga melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan juga syarikat swasta iaitu Syarikat Perkhidmatan Keselamatan Setia Protective Security Services (SPSS) yang menjadi pengawal-pengawal keselamatan di Hospital RIPAS.

"Adalah dikenal pasti salah satu punca utama kes kecurian yang dihadapi ialah oleh sebab mereka ini tidak mengikut peraturan-peraturan waktu melawat yang ditetapkan. Waktu melawat yang ditetapkan ialah dari pukul 12.00 tengah hari hingga 1.30 petang dan dari pukul 5.00 petang hingga 9.00 malam," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, kebanyakan kes-kes curi ini berlaku bukan masa waktu bekerja tetapi adalah pada waktu-waktu melawat dan ini menjadi satu isu yang dihadapi oleh Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat menyeru kepada pelawat-pelawat supaya mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan kerana bukan sahaja untuk memberikan peluang rehat dan rawatan-rawatan kepada pesakit-pesakit tetapi juga bersama-sama bertanggungjawab untuk mengawal keselamatan dan juga menghindarkan kes-kes kecurian yang berlaku.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

"Kita juga harus faham bahawa tugas-tugas utama jururawat bukanlah untuk menjaga pelawat-pelawat tetapi ialah untuk merawat dan memerhatikan pesakit-pesakit di wad-wad. Jika jururawat-jururawat berkenaan tidak menjalankan tugas-tugasnya maka banyaklah nanti aduan yang dihadapi kepada pihak hospital," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, Yang Berhormat Awang Haji Jumat turut mencadangkan penambahan kemudahan-kemudahan lain seperti kerusi roda, troli dan sebagainya harus diperbanyakkan.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan kerusi roda yang dibekalkan bukan sahaja di Hospital RIPAS tetapi juga di hospital-hospital lain dan juga pusat-pusat kesihatan yang bukan saja dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan, kadangkala diwakafkan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain, pihak NGOs dan pihak persendirian tetapi malangnya sebilangan daripada kerusi-kerusi roda ini disengajakan diambil ataupun dibawa ke rumah dan tidak dikembalikan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyeru kepada mereka yang menggunakan kerusi-kerusi roda itu agar mengembalikan kepada hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan setelah selesai menggunakannya.

HARI ISNIN 25 MAC 2013 MASIHI /
13 JAMADILAWAL 1434 HIJRIAH

PERCUMA

'Partnership' dan kerjasama ibu bapa tunjuk utama kejayaan perkhidmatan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak

Laporan : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Perkhidmatan di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak bukan sahaja melibatkan pakar dan doktor perubatan malahan juga dalam aspek *allied health professional* seperti Jurupulih Pertuturan, Jurupulih Cara Kerja, Jurupulih Anggota dan ahli *psychology clinical*.

Walau bagaimanapun, adalah tidak dapat dinafikan jumlah mereka yang mempunyai profesional ini tidaklah mencukupi untuk memberikan perkhidmatan kepada kanak-kanak yang diperlukan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menjelaskan demikian ketika menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman pada Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menambah, melalui strategi perkembangan profesional kesihatan pertambahan jumlah ini dapat dipenuhi yang mana juga memerlukan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain.

Di samping itu, ujar Yang Berhormat, adalah diharapkan lebih ramai lagi anak-anak tempatan akan mengambil pakar profesional kesihatan bagi membantu kanak-kanak yang diperlukan ini.

"Dalam pada itu, seperti yang saya nyatakan tadi, *partnership* dan kerjasama dari ibu bapa serta penjaga adalah tunjak utama bagi kejayaan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Perkembangan Kanak-Kanak. Oleh itu, pusat ini akan sentiasa mengutamakan penglibatan para ibu bapa dan penjaga termasuk dalam meningkatkan pengetahuan ibu bapa perihal perkembangan kanak-kanak," tambah Yang Berhormat.

Mengenai isu berhubung dengan pembinaan Pembangunan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak baru, jelas Yang Berhormat, adalah dalam rancangan Kementerian Kesihatan yang dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10.

Tidak ada undang-undang khas mengawal pengamalan perubatan tradisional

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Pada masa ini tidak ada undang-undang khas yang mengawal bagi pengamalan perubatan tradisional di negara ini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berkata, walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah pun membuat inisiatif dalam menubuhkan unit perubatan tradisional untuk meneliti mengenai akan pengawalan amalan perubatan tradisional.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab persoalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad berhubung dengan pementauan Kementerian Kesihatan terhadap penjualan ubat-ubat yang dijual di

Laporan : Aimi Sani

kedai-kedai ubat yang berdaftar dan diiktiraf oleh kerajaan.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan, sebagai langkah awal pihak Kementerian Kesihatan juga di peringkat ASEAN di bawah ASEAN Task Force Contraindication Medicine bagi sama-sama membentuk rangka kerja untuk memantau dan mengawal pengamalan perubatan tradisional supaya ianya diseragamkan di seluruh rantau dan juga bagi pertukaran pengamalan dan *best practice* oleh negara-negara yang lebih maju dalam pengamalan perubatan tradisional.

"Manakala bagi pengawalan ubat tradisional dan produk tambahan kesihatan peruntukan mengenai ada terdapat di bawah Perintah Ubat 2007. Kemen-

terian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi sedang dalam proses menggubal peraturan-peraturan bagi pengimportan, pemasaran dan pengilangan iaitu diselarasikan dengan kehendak teknikal yang telah dibentuk oleh kumpulan kerja ubat-ubat tradisional dan ubat-ubat tambahan kesihatan ASEAN," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, pengawalan ubat-ubat tradisional dan ubat tambahan kesihatan ASEAN di Negara Brunei Darussalam juga dilaksanakan dengan penganalisaan contoh dibuat secara *post marketing surveillance* itu merupakan satu amalan pengawalan yang lazim diamalkan di kebanyakan negara ASEAN seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Sistem Bru-HIMS dapat dilihat selepas penggunaannya stabil

Laporan : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Sistem Maklumat dan Pengurusan Penjagaan Kesihatan di Negara Brunei Darussalam (Bru-HIMS) ketika ini masih mengalami cabaran-cabaran dan masalah pada peringkat awal pelaksanaan namun keberkesanan positif sistem berkenaan akan dapat dilihat selepas penggunaannya stabil.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyatakan perkara tersebut semasa mengulas persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai sistem Bru-HIMS.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata, cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan Bru-HIMS bukanlah unik di negara ini kerana ianya juga dihadapi di negara-negara lain apabila mereka memperkenalkan sistem rekod elektronik bagi pesakit yang mana perkara ini telah difahamkan oleh pakar-pakar perunding dari Australia dan Malaysia yang didatangkan untuk berkongsi pengalaman dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif serupa seperti Simposium Bru-HIMS yang diadakan

ran yang dihadapi dalam melaksanakan Bru-HIMS bukanlah unik di negara ini kerana ianya juga dihadapi di negara-negara lain apabila mereka memperkenalkan sistem rekod elektronik bagi pesakit yang mana perkara ini telah difahamkan oleh pakar-pakar perunding dari Australia dan Malaysia yang didatangkan untuk berkongsi pengalaman dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif serupa seperti Simposium Bru-HIMS yang diadakan

kan pada tahun 2012 yang lalu.

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat, salah satu cabaran yang dimaksudkan ialah impak kepada waktu menunggu iaitu lebih lama dari yang lazimnya termasuk waktu menunggu ubat.

"Ini adalah masalah sementara saja, iaitu semua semasa tempoh transaksi dari sistem lama ke sistem baru yang mana pihak kakitangan perlu membiasakan diri dengan penggunaan teknologi baru. Ianya perlu diberikan peluang untuk berkembang dan seterusnya mencapai kestabilan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, ke arah itu, pihak pengurusan hospital akan sentiasa memantau, mengenal pasti dan melaksanakan inisiatif-inisiatif untuk memperbaiki proses prosedur kerja dan penggunaan sistem Bru-HIMS supaya ia lebih efektif dan efisien. Khususnya bagi perkhidmatan farmasi di hospital berkenaan sejak penggunaan sistem Bru-HIMS dimulakan pihak tersebut sentiasa berusaha untuk memperbaiki proses bagi mengatasi isu menunggu terlalu lama apabila pesakit mengambil ubat.

Pihak konsultan-konsultan dari Singapura, kata Yang Berhormat, telah pun didatangkan untuk membuat pemerhatian dan penelitian tentang proses Bru-HIMS serta prosedur kerja Bahagian Farmasi Daerah Tutong. Pihak konsultan ini akan menyediakan laporan cadangan pembaikan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan seperti pembaikan waktu menunggu, produktiviti kerja, pengurusan stok dan lain-lainnya.

Sementara itu, isu kawasan letak kereta bagi Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan, pihak hospital telah melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan seperti pembuangan batu *ground leveling* memotong rumput dan mengutip sampah dan pemasangan lampu isyarat laluan pengguna *zebra crossing* juga telah dilaksanakan.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, bagi keselamatan, pemasangan tiang-tiang keselamatan di sepanjang jalan bagi mencegah orang-orang awam meletak kereta di pinggir-pinggir jalan dan mengelak kereta dari menghadang laluan *zebra crossing* keselamatan apabila melintasinya.

Pesakit ringan dapatkan rawatan di Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan



YANG Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. - Foto : Mohd. Shahrizal Haji Said.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Bagi mengurangkan masa menunggu lama dan kesibukan-kesibukan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan adalah disarankan untuk menggunakan kemudahan-kemudahan bagi pesakit ringan yang terdapat di Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan (BSB).

Selain daripada itu, ia juga boleh memberi tanggungjawab sesama kita supaya tumpuan lebih akan diberikan

Laporan : Po Yih Kim @ Anjelin Po

kepada pesakit-pesakit yang kronik dan memerlukan rawatan segera.

Saranan ini dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan ketika mengulas soalan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai rawatan bagi Bahagian Kemalangan dan Kecemasan yang mengambil masa yang terlalu lama pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan bahawa terdapat beberapa kategori di dalam Bahagian Kemalangan dan Kecemasan ini yang mana orang ramai tidak mengetahui. Di antaranya adalah Kategori Pertama, P1, yang mana ia merangkumi pesakit yang memerlukan rawatan segera dan perlu diutamakan sama sekali. P2 adalah dikatakan 'Semi Acute', manakala P3 pula pesakit yang memerlukan kurang pemerhatian, seperti penyakit selesema dan batuk, jika dibandingkan dengan P1 dan P2 seperti kes-kes kemalangan.

tian, seperti penyakit selesema dan batuk, jika dibandingkan dengan P1 dan P2 seperti kes-kes kemalangan.

Tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan, kelambatan berlaku disebabkan kalau sekiranya pesakit-pesakit dalam golongan P1 atau P2 banyak, mahu tidak mahu, pihak doktor perlu memberikan keutamaan kepada pesakit-pesakit ini kerana jika tidak diberikan rawatan-rawatan segera kepada P1 dan P2 ini, ia mungkin akan membawa perkara-perkara yang memudaratkan kepada pesakit itu sendiri.

Oleh kerana perkara ini sering berlaku, selain daripada Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), pihak kementerian juga menyediakan *extended hours* di Pusat Kesihatan Ong Sum Ping, BSB yang dibuka pada pukul 6.00 petang hingga 9.00 malam pada hari kelepasan awam dan juga hari biasa. Jika hari kelepasan awam itu lebih daripada sehari, ianya akan dibuka dari pukul 2.00 petang hingga 11.00 malam.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan langkah seterusnya yang telah diambil oleh Hospital RIPAS adalah memperkenalkan 'Acute Medical Unit'. Ini adalah untuk membantu pesakit-pesakit yang tidak semestinya ditahan di Bahagian Kemalangan dan Kecemasan, jika perlu mereka ini juga akan dipindahkan di unit tersebut bagi mengelakkan kesesakan di sana.

Walau macam manapun, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menegaskan, bahawa Kementerian Kesihatan akan sentiasa mereview dan juga mengenal pasti bagaimana untuk memperbaiki dan mengemaskinikan lagi perkhidmatan-perkhidmatan di bahagian ini dari semasa ke semasa.

Insurans kesihatan lindungi warga asing

Laporan : Po Yih Kim @ Anjelin Po

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Insurans kesihatan bagi warga asing yang dirawat di negara ini akan dicadangkan bermula pada peringkat awal.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan perkara tersebut ketika menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai isu insurans kesihatan yang membebaskan orang asing dengan pembiayaan yang mahal pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), berlangsung di Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menambah, pihak Kementerian Kesihatan memang sudah memikirkan perkara tersebut termasuk dalam penyediaan Pelan Induk Infrastruktur dan Sistem Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

"Dengan adanya insurans kesihatan ini ia dapat melindungi pekerja apabila ditimpa kemalangan, sakit berpanjangan atau jika mereka kehilangan upaya semasa bekerja di negeri ini. Perkara-perkara ini tidak dapat disangka bila akan terjadi, maka adalah penting bagi pihak yang berkenaan untuk menyediakan langkah berjaga-jaga yang tertentu," jelas Yang Berhormat.

Di samping itu, pembayaran-pembayaran yang tertunggak (*outstanding*) oleh kalangan warganegara asing yang dirawat di negara ini diharapkan dapat dikurangkan dengan adanya insurans ini, ujar Yang Berhormat.

Perundingan tersebut telah dibuat dengan Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan ia juga disentuh pada persidangan yang lepas. Maka jika perkara ini dipersetujui di antara pihak-pihak berkenaan, perancangan yang lebih terperinci akan diambil.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan bahawa terdapat beberapa kategori di dalam Bahagian Kemalangan dan Kecemasan ini yang mana orang ramai tidak mengetahui. Di antaranya adalah Kategori Pertama, P1, yang mana ia merangkumi pesakit yang memerlukan rawatan segera dan perlu diutamakan sama sekali. P2 adalah dikatakan 'Semi Acute', manakala P3 pula pesakit yang memerlukan kurang pemerhatian, seperti penyakit selesema dan batuk, jika dibandingkan dengan P1 dan P2 seperti kes-kes kemalangan.

Tanah Tumpang Sementara (TOL) sebenarnya sudah dibekukan bagi perumahan

Laporan :
Haji Aliddin Haji Moktal



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Tanah Tumpang Sementara (TOL) ini yang sebenarnya sudah dibekukan bagi perumahan disebabkan kita rasa ketiadaan masalah mengenai perumahan.

“Dasar baru TOL yang diperkenalkan pada tahun 2008, hanya mempertimbangkan pengeluaran kebenaran kepada kegiatan-kegiatan perusahaan, perniagaan, perindustrian, tapak-tapak pembelajaran (sekolah) dan tapak-tapak bagi projek kerajaan,” jelas Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman bagi menjawab usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor@ Haji Mohd. Daud bin Karim pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Majlis, di sini.

Sementara itu, tapak-tapak TOL dahulu, kata Yang Berhormat, adalah masih boleh digunakan.

Yang Berhormat menjelaskan, berdasarkan kepada perangkaan Jabatan Kemajuan Perumahan, penyediaan rumah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) dijangkakan dalam masa lima tahun akan datang, boleh memenuhi kehendak permintaan TOL bagi perumahan. Tidak perlu lagi di bawah TOL sebabnya di bawah RPN atau STKRJ dapat membekalkan rumah dalam tempoh yang singkat.

Sementara penggunaan tanah kerajaan secara TOL bagi kegiatan pertanian, tambah Yang Berhormat, adalah lebih bersesuaian kerana ia dikawal di bawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPA), jadi mana-mana permohonan tanah bagi pertanian bukan lagi di Jabatan Tanah, ia akan dirujuk kepada JPA.

“Dalam hal penggunaan tanah kerajaan secara TOL ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada dasarnya memperkenankan supaya tapak-tapak TOL yang sedia ada bagi kegiatan perniagaan, perusahaan dan perindustrian dibolehkan untuk dipajak dengan dikenakan bayaran premier tanah,” ujar Yang Berhormat.

TOL yang sudah digunakan, jelas Yang Berhormat, boleh dipajak dengan bayaran premier tanah. Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) akan ditukar menjadi pegangan pajakan jika telah diduduki melebihi tujuh tahun iaitu pajakan yang tidak melebihi 60 tahun.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, TOL yang pada masa lalu dikeluarkan kebenaran menggunakan bagi kegiatan rumah kediaman dan sudah dimajukan sebagai rumah kediaman geran-geran akan dikeluarkan dalam Skim Penggeranan Tanah LTS bagi pemohon yang layak sahaja ertinya bagi pemohon rakyat Negara Brunei Darussalam, tanah-tanah yang mula-mulanya TOL akan ditukar ke-

pada geran-geran tanah.

Bagi Kad Pengenalan Ungu (KPU) seperti yang telah ditimbulkan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi, jelas Yang Berhormat, perkara ini masih belum kita tunduki dengan sehalusnya, jadi mungkin ini memerlukan satu pertimbangan dan perbincangan lagi mengenai dasar pemberian TOL kepada pemegang KPU.

Walau bagaimanapun, kata Yang Berhormat, peluang bagi Penduduk Tetap untuk membeli melalui pajakan dibolehkan memajak tanah persendirian bagi tempoh tidak me-

lebih 60 tahun atau membeli rumah melalui pemilikan secara hak milik strata.

Mereka, jelas Yang Berhormat, digalakkan membeli hak milik strata tetapi memiliki rumah secara yang ada sekarang mungkin belum dapat dipertimbangkan buat sementara ini.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, perkara ini sedang kita tunduki untuk mencari penyelesaian supaya pemegang KPU ini dapat kita layani jua keperluan mereka itu.

Tanah di kawasan bandaran tidak boleh digazet secara automatik

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mencadangkan syarat tanah ini perlulah digazet secara automatik menjadi Perumahan Am; Komersial dan Rumah Pangsa ini perlulah disesuaikan dengan keadaan dan lokasi tanah.

Selain itu, bangunan-bangunan di dalam kawasan bandaran, kata Yang Berhormat, akan dikenakan cukai bangunan yang merupakan satu hasil kepada negara.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Othman bagi menjawab usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin menjelaskan bahawa tanah yang sudah digazet di kawasan bandaran tidak boleh digazet secara automatik ditukarkan syarat mengikut kesesuaian zon kawasan bandaran tersebut ataupun perkembangan kawasannya.

“Memanglah kalau sudah di kawasan bandar dan tanah tersebut disyaratkan tanaman ataupun padi tidaklah dapat dikekalkan tanaman padi, dengan mudah boleh diubah misalnya kepada syarat perumahan. Tetapi kalau menaikkan kepada syarat komersial dan sebagainya itu satu isu lagi dan jika syarat perumahan ianya tidak menjadi masalah. Tertakluklah kepada syarat apa yang akan ditukar itu,” jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Majlis, di sini.

Tapi yang jelas, tambah Yang Berhormat, kalau syarat asalnya syarat padi dan tanaman di tengah-tengah bandar, tidaklah dapat dikekalkan syaratnya itu.

“Tanah yang diamanahkan kepada jawatankuasa oleh penderma yang asal jadi tidak ada masalah terpulanglah kepada penderma tanah itu sama ada ia bersetuju untuk diserahkan kepada pihak sekolah. Kalau pihak sekolah menerima dan pendermanya bersetuju ataupun waris-waris penderma tidak ada masalah perkara itu akan diuruskan,” ujar Yang Berhormat.

Tanah pajakan ‘lease’ dikecualikan membayar premium bagi yang tidak mampu

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Tempoh pajakan *lease* permohonan sebelum mansuh bagi mereka



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

yang tidak mampu akan diberi pengecualian daripada pembayaran premium.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, mereka yang tidak mampu itu hanya memiliki rumah dan tanah itu sahaja akan kita beri pengecualian daripada pembayaran premium tapi kalau ia banyak tanah lain ertinya ia mampu, insya-Allah dikenakan bayaran.

“Jelasnya ini bagi yang tidak

mampu dan diberi kelonggaran atas kemurahan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri, baginda telah menitahkan supaya sesiapa sahaja yang ada rumah untuk sekeping tanah tidak melebihi satu ekar yang mana di atasnya berdiri rumah untuk kediaman sendiri. Kalau rumah itu untuk disewakannya tidaklah dapat dipohonkan premium itu, walaupun ia mempunyai tanah lain, tanah lain terpaksa dibayarannya kecuali yang satu ini sahaja. Tidaklah dikecualikan ia semuanya,” ujar Yang Berhormat.

Mengenai dengan Tanah Tumpang Sementara (TOL) daripada ibu bapa, anak ke cucu, kata Yang Berhormat, kalau rakyat Brunei tidak menjadi masalah tetapi kalau daripada penduduk tetap akan kita pertimbangkan, bagaimana usaha sebenarnya hak-hak penduduk tetap ini masih belum jelas dan masih diusahakan macam mana menyelesaikan isu-isu penduduk tetap ini.

Amat sukar mengagak kejayaan Skim Tanah Strata

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Tanah Strata Title sejak diperkenalkan, masih belum ada sambutan daripada orang ramai kerana proses pengeluaran geran bagi Strata Title adalah berasaskan satu kaedah yang memerlukan tafsiran bagi menentukan hak unit atau *unit entitlement* bagi unit masing-masing itu.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera

Pahlawan Dato Seri Setia Awang Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan perkara ini bagi menjawab usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengenai tanah yang dimajukan, peraturan yang berhubung kait dengan tanah dan kedudukan tanah (strata title) yang mana adakah ia akan mencapai sasaran kerajaan pada Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Majlis, di sini.

Hak unit tersebut, jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan adalah digunakan untuk mengira berapa bayaran yang patut dibayar kepada perbadanan Strata.

Yang Berhormat menambah, hinga setakat ini masih belum banyak yang ingin mahu tanah mereka untuk dijadikan tanah Strata Title, maka amatlah sukar untuk kita mengagak sejauh mana kejayaan Skim Tanah Strata Title ini.

Surat kuasa PA dan surat ikatan amanah TD tidak lagi diiktiraf

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Mengenai Power of Attorney (PA) ini, ia sebenarnya adalah pemilikan tanah secara *equity* ataupun *equitable ownership* dengan menggunakan surat kuasa PA dan surat ikatan amanah Trust Deeds (TD) tidak lagi diiktiraf.

Pemilikan tanah secara *equity* ini akan ditukar menjadi tanah pajakan dari kerajaan bagi tempoh tidak melebihi 60 tahun setelah Rang Undang-Undang-nya mendapat perkenan.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman bagi menjawab usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, pada masa ini masih terdapat surat kuasa PA dan surat ikatan amanah TD yang digunakan bagi urus niaga tanah.

Walau bagaimanapun, tempoh PA dan TD tersebut, tambah Yang Berhormat, dihadkan kepada lima tahun untuk pemaju tanah dan 25 tahun untuk bank, manakala bagi yang lainnya tidak dibenarkan. Dalam kata lain, ini bererti jika mereka berurusan dengan bank untuk menggunakan tanah mereka sebagai cagaran ia adalah masih dibenarkan.

“Ini akan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ahmad Morshidi. Hak-hak pemilik asal tanah ini memang tujuannya ialah untuk memelihara hak-hak mereka. Hak-hak mereka untuk menjual tanah secara PA dan TD ini dapat diaplikasikan jika tanah yang mereka jual itu ialah tanah kekal dan mereka menjualnya kepada seseorang maka dengan sendirinya hak mereka akan hilang kerana jika tanah yang mereka jual itu sudah mansuh iaitu mencapai umurnya, misalnya kalau 60 atau 30 tahun, ia akan balik kepada kerajaan dan bukan kepada pemilik asal,” jelas Yang Berhormat.

Ini kerana kata Yang Berhormat, pemilik asal sudah menjual

haknya kepada orang lain kecuali pemilik asal itu menjual secara pajakan sahaja misalnya, tanahnya itu tanah Jenis Kekal tetapi dipajaknya selama 30 tahun maka selepas 30 tahun maka tanah itu akan balik kepada pemilik asal. Kalau dijual haknya dan balik juga kepadanya, jadi ia dapat untung dengan mendapat harga penuh jualan tanahnya itu yang dijualnya melalui PA dan TD iaitu selepas tempoh tahunnya ia dapat lagi semula yang demikian, ia mendapat dua keuntungan. Dan dalam hal ini tidak dibenarkan dan tanah berkenaan akan balik kepada kerajaan.

Pada masa ini, jelas Yang Berhormat, peraturan mengenai PA dan TD ini telah pun diluluskan. Walau bagaimanapun masih ada beberapa perkara yang perlu halusi sebab dalam perkara itu kita rundingkan dalam pihak Attorney General Chambers (AGC) iaitu peraturan mengenai PA dan TD ini masih belum kita sebar-sebarkan.

“Sebenarnya ada beberapa isu lagi yang perlu kita halusi dengan tujuan supaya apa jua keputusannya nanti dari segi pelaksanaannya, ia tidak akan merugikan kerajaan ataupun negara, tidak juga merugikan kepada pemilik tanah itu ataupun pembeli tanah, tidak merugikan kepada pemaju, sesiapa yang memajukan tanah dan juga tidak merugikan kepada pelabur.

“Aspek ini akan diambil kira sebab dari segi pelaksanaannya perkara ini masih lagi dibuat kajian untuk kita halusi. Insya-Allah apabila selesai dihalusi dengan pihak-pihak yang tertentu di kerajaan maka ia akan disebarkan supaya lebih jelas kepada orang ramai,” jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat memaklumkan orang ramai bahawa PA dan TD ini sudah pun diberhentikan sejak tahun lepas sejak ia dimaklumkan dan ia sudah diberhentikan jadi mana-mana PA dan TD tidak akan dilayan dan akhirnya akan *diconvert* apabila sudah ada peraturannya kepada *lease* tidak melebihi 60 tahun.

Jelas Yang Berhormat, mana-mana yang masih membeli tanah secara PA dan TD, maka ia melanggar peraturan yang telah pun dikeluarkan.

Cadangan kawasan untuk dimajukan menjadi taman rekreasi



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Mac. - Peralihan tugas dan tanggungjawab dalam pengubahsuaian dan penyelenggaraan Taman Rekreasi adalah antara isu yang dibincangkan pada Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji

Osman menjelaskan sebahagian daripada Taman Rekreasi di Kuala Belait memang sudah dioutsourcse seperti di Anduki dan juga beberapa kawasan lain.

"Jika diperlukan memang dioutsourcsekan untuk dikendalikan oleh pihak swasta. Perkara ini dari semasa ke semasa memang dikaji dan jika perlu akan dioutsourcse. Begitu juga dengan Taman Rekreasi Wong Kadir yang mana kita dapat melihat kemudahan-kemudahan yang ada di sana dapat ditingkatkan," terang Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Demikian penjelasan Yang Berhormat Menteri Pembangunan ketika menjawab usulan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin dan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad berhubung taman-taman di Daerah Belait agar dapat diusahakan oleh pengusaha-pengusaha tempatan selain daripada Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE).

"Peralihan tugas dan tang-

gungjawab dalam pengubahsuaian dan penyelenggaraan taman-taman di dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia kepada JASTRE pada tahun 2002 termasuklah juga kakitangannya," jelas Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof.

Tambahnya, bagi meningkatkan, memantapkan dan menambahkan lagi keindahan taman-taman di dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia, Yang Berhormat juga mencadangkan supaya tugas-tugas dan tanggungjawab itu diserahkan balik kepada Jabatan Lembaga

Bandaran Kuala Belait dan Setia, manakala JASTRE hanya menumpukan kepada peningkatan dan pemeliharaan taman-taman di luar bandar.



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee juga turut mencadangkan pihak JASTRE mengkaji kembali pengurusan dan kekerapan mengangkut sampah ke tempat pelupusan sampah di Sungai Paku bagi mengawal keadaan sampah di mukim tersebut.

Sementara itu, cadangan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai tiga tempat untuk dimajukan sebagai Taman Rekreasi iaitu di Tanjung Danau, Taman Rekreasi Pantai Telisai dan Ulu Sungai Penyatang Kampung Bukit Beruang, Yang Berhormat Menteri Pembangunan seterusnya menjelaskan salah satu perkara yang didasarkan oleh JASTRE untuk melihat mana-mana kawasan yang boleh dijadikan taman dan rekreasi.

Penggubalan dua Akta Alam Sekitar

Laporan : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Mac. - Kementerian Pembangunan pada masa ini sedang dalam proses menggubal dua Akta Alam Sekitar yang dalam proses akhir pengemaskinian dan pewartaan iaitu Environment Protection and Management Order dan Hazardous Waste Control Order.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) berperanan untuk menjaga alam sekitar, namun untuk memastikan semua berjalan seperti yang kita rancangan adalah satu perkara yang mustahil jika tidak dibantu oleh orang ramai.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan demikian ketika menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Haji Ramli bin Haji Lahit.

Akta Environment Protection and Management Order ujarinya, mengandungi elemen Environmental Impact Assess-

ment dan kawalan pencemaran (*pollution control*) termasuk pengawalan bunyi bising, bahan kumbahan, bahan berbahaya, pencemaran udara, pengawalan had bunyi bising di tapak perusahaan, pembakaran terbuka, komposisi kesalahan-kesalahan, perlesenan dan pengeluaran gas kenderaan.

"Akta Hazardous Waste Control Order adalah bagi pengawalan eksport, import dan transit bahan bagi sisa buangan toksik dan berbahaya," tambah Yang Berhormat.

Menurutnya dengan adanya dua akta itu diharap akan dapat memperkukuhkan lagi institusi kerja bagi JASTRE di dalam pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar demi untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang bersih, hijau dan *environmentally sustainable*.

Selain itu, tambah Yang Berhormat Menteri Pembangunan, ia akan dapat membantu kerja-kerja JASTRE dan diharap isu-isu yang berkaitan dengan pencemaran dan sebagainya akan dapat diatasi.

Tanah TOL tidak dapat dijual atau dicagarkan ke bank

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal

Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan, memang tanah TOL tidak dapat dijual kerana ia tanah kerajaan dan tanah tumpang sementara sahaja.

"Kita juga kemusykilan kalau tanah TOL itu dicagarkan kepada bank. Kalau takdirnya ia tidak terbayar, bank yang akan mendapat tanah TOL sedangkan ia tidak dapat dipindah milik," ujar Yang Berhormat bagi menjawab usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyua-

rat Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Majlis, di sini.

Tanah-tanah TOL, tambah Yang Berhormat, bukan untuk tujuan dicagarkan ke bank ataupun untuk dijual tetapi untuk kegunaan sendiri.

"Jadi kalau sudah sendiri tidak menggunakan ertinya tanah itu boleh diambil balik oleh pihak kerajaan. Mereka baru ada tanah TOL tidak boleh memohon tanah Rancangan Perumahan Negara (RPN) kecuali mereka menyerahkan tanah TOL dan memilih tanah RPN itu dapat dipertimbangkan ataupun mereka menyerah balik tanah itu untuk mengganti dengan RPN," jelas Yang Berhormat.

Surat kuasa PA dan surat ikatan amanah TD tidak lagi diiktiraf

Dari muka III

Mengenai pertukaran syarat tanah mengikut *local plan*, kata Yang Berhormat, perkara ini diambil maklum dan akan diselaraskan dengan peraturan yang masa ini sedang digubal ataupun garis panduan yang sedang digubal pada masa ini mengenai isu tanah ini. Insya-Allah perkara ini akan dipertimbangkan supaya pertukaran syarat tanah yang mengikut peraturan tidak menjadi masalah kepada pemohon yang menukar tanah dan juga di kawasan-kawasan komersial dan industrial jika ada sudah peraturan berkenaan maka ia akan lebih jelas dari segi pelaksanaan dasar ini.

Apakah langkah-langkah yang diambil tentang rakyat asing yang menggunakan nama tempatan? Perkara inilah yang akan kita atasi melalui PA dan TD ini tidak ada rakyat asing yang tidak layak memiliki tanah supaya mereka tidak dapat menggunakan nama-nama orang tempatan untuk memiliki tanah. Ini satu perkara yang ingin kita atasi melalui PA dan TD ini, ujar Yang Berhormat.

Jadi larangan PA dan TD ini, kata Yang Berhormat, untuk membuktikan *equitable ownership* seperti yang berjalan pada masa ini ataupun sebelum undang-undang ini dikeluarkan. Tetapi bagi tujuan memajukan satu-satu tanah ataupun bagi tujuan membuat cagar kepada bank tidak jadi masalah, masih dibenarkan.

Mengenai laluan simpanan *access* yang tidak disediakan ini, jelas Yang Berhormat, menimbulkan masalah dan perkara ini akan diambil tindakan. Banyak isu yang terlibat dalam perkara ini, isu penyukatan, isu pembayaran dan sebagainya.

Perkara ini, kata Yang Berhormat, akan kita ambil catatan dan akan diusahakan. Kita juga melihat kesukarannya keadaan-keadaan seperti ini dan kita akan cuba mengatasi masalah ini.

"Proses terlalu lama, perkara ini kita ambil maklum dan kita seperti yang saya jelaskan tadi juga berusaha untuk mengubah garis panduan mengenai banyak isu yang berkaitan dengan tanah ini. Insya-Allah sedikit masa lagi kita akan dapat *address some of the issue* dan mudah-mudahan dengan adanya garis panduan itu akan lebih cepat proses-proses berkaitan dengan permohonan tanah, pemecahan tanah, penurunan tanah kepada waris dan sebagainya, tukar syarat dan sebagainya. Isu-isu yang akan kita sentuh apa yang kita usahakan pada masa ini," jelas Yang Berhormat.

Mengenai syarat contoh seperti memindah milik tanah daripada ayah kepada anak yang memakan masa selama enam bulan dan sebagainya, jelas Yang Berhormat, insya-Allah dengan adanya garis panduan itu nanti perkara ini tidak akan menjadi masalah dan tidak akan memakan masa yang lama.

Pembayaran penentuan arah kiblat turut dibahaskan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Pembayaran bagi penentuan melekat arah tuju kiblat di rumah-rumah orang yang beragama Islam diusulkan untuk dipertimbangkan atau ditiadakan bagi memudahkan beribadat serta panduan arah hala kiblat yang tepat dan betul.

Isu tersebut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, yang mana seperti yang dimaklumi, melalui Jabatan Ukur, orang ramai yang memohon perlu membayar harga asas BND50 untuk harga pengukuran dan harga pelekat BND5.

Mengulas perkara tersebut, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan bahawa

Laporan :
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

membuat kerja penentuan kiblat bukanlah satu perkara mudah di mana ia pernah ditawarkan kepada pihak sektor swasta untuk membuat, tetapi setelah melihat dari segi kosnya, pihak tersebut pun tidak sanggup kerana kerja-kerja itu terlalu merumitkan.

Maka dalam hubungan itu, jelas Yang Berhormat Menteri, pihak Jabatan Ukur sendiri yang mengerjakannya dengan bayaran yang minima.

"Jadi kalau ini pun orang tidak mampu, masih lagi mahu percuma, akan diteliti lagi sama ada boleh diberi secara percuma atau tidak, tetapi saya rasa jumlah ini bagi yang mampu bolehlah membayar BND50.

Kalau diberi percuma kepada semua, itu adalah menjadi satu perkara lagi," jelas Yang Berhormat.

Menurutnya, percuma hanya diberikan kepada orang fakir dan miskin, daif dan bagi rumah yang berkumpul misalnya kawasan Rancangan Perumahan Negara, jika rumah tersebut sederhana mungkin dapat diberi percuma sahaja atau kawasan itu mudah menentukan kiblat, mungkin tidak dikenakan bayaran kepada setiap rumah.

"Ini satu pertimbangan sahaja, tetapi untuk memberi percuma kepada semua adalah harus difikirkan sedalam-dalamnya kerana harganya pun bukan mahal," ujar Yang Berhormat.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Persamaan nama kampung diambil perhatian



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) sememangnya mengambil langkah-langkah ke arah pengkajian sejarah

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

di negara ini termasuk dalam pertalian-pertalian sejarah sama ada yang terdapat di dalam ataupun di luar negeri.

Demikian dijelaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa mengulas persoalan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Musim Kesembilan di sebelah petang bertempat di Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri

Kebudayaan, Belia dan Sukan percaya perkara mengenai persamaan nama-nama kampung yang terdapat di negara ini diambil perhatian dan dibuat kajian oleh Pejabat PSB.

Sementara menjawab persoalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli mengenai usaha-usaha yang dilaksanakan ke arah penulisan, perkembangan dan kemajuan negara dalam jangka masa 20 tahun sejak kemerdekaan 1984, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya menjelaskan, perkara itu akan dibawa kepada perhatian pihak PSB untuk mengambil langkah-langkah yang bersesuaian mengenai-

Golongan miskin terlibat Program 1K1P dialu-alukan

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat telah membuat kajian terperinci terhadap tahap kemiskinan dan mengambil langkah menanganinya sehingga mencapai kemiskinan sifar.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin menjelaskan perkara demikian semasa menyentuh mengenai isu kemiskinan.

Dengan memperkenalkan pelbagai program, jelas Yang Berhormat, usaha sedemikian adalah sangat dialu-alukan dan dihargai, setelah melihat masyarakat yang dikategorikan miskin bukan saja terdiri daripada golongan orang-orang tua dan Orang Kurang Upaya (OKU), bahkan juga ibu-ibu tunggal yang terdiri dari janda-janda dan balu-balu yang usianya masih muda, sihat dan boleh bekerja.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat, mencadangkan supaya selain daripada pihak kementerian memberi bantuan yang berbentuk kewangan adalah lebih baik mereka itu dibantu untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kemampuan mereka.

Yang Berhormat menambah, bagi mereka yang diberi pertimbangan pemberian elaun kebajikan maka adalah juga elok mereka itu diberi syarat ataupun dipersyaratkan supaya mereka itu dapat melibatkan diri dalam Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) melalui Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di mana mereka itu bermastautin kerana dengan cara sedemikian sekurang-kurangnya dapat melatih diri dan sekali gus berkecimpung dalam bidang perekonomian MPMK yang sedang diperkenalkan di seluruh negara pada masa ini.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menjelaskan demikian bagi penglibatan mereka yang tergolong dalam golongan miskin ini dalam program 1K1P itu, memanglah dialu-alukan dan sememangnya itulah matlamat Program 1K1P itu, di samping untuk memajukan ekonomi masyarakat setempat, tetapi juga untuk membantu mereka yang tergolong di dalam golongan miskin di Negara Brunei Darussalam ketika mengulas mengenai cadangan-cadangan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof pada Majlis Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis MMN yang berlangsung di Dewan MMN, di sini.



ANTARA pelajar-pelajar sekolah yang hadir dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari tersebut. - Foto Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Kos kerja penyukatan tanah agak mahal



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Kementerian Pembangunan akan mengambil tindakan bagaimana untuk mengatasi isu kos perbelanjaan yang agak mahal bagi perkhidmatan Jabatan Ukur kerajaan ataupun swasta dalam mengenal pasti kedudukan tanah sebelum membina sesebuah rumah yang menecah BND2,000.

Laporan :
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan perkara tersebut ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin pada perbahasan Majlis Mesyuarat Negara di hari ke-13 pada sebelah pagi.

Yang Berhormat menjelaskan, kerja-kerja ukur bukanlah mudah kerana ianya melibatkan banyak kerja-kerja teknikal dan bukan hanya melihat sahaja dan diletakkan batu itu, malah ia memerlukan banyak kerja-kerja penyukatan dan sebagainya.

Menurut Yang Berhormat lagi, *scale* yang dikenakan oleh Juruukur swasta adalah *scale* yang sudah lama yang belum dikaji dan jika mengikut *scale* yang sebenar mungkin melonjak tinggi daripada yang ada sekarang, namun *scale* yang digunakan ketika ini sudah lama dipakai iaitu sejak tahun 1980 dan hingga kini belum ada

kenaikan.

"Walau bagaimanapun, perkara ini akan diambil perhatian. Memang ada kebenaran kenyataan itu bahawa ada sebilangan daripada pemohon itu mungkin tidak mampu untuk membayar kos yang begitu mahal," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking turut membangkitkan isu yang sama mengenai permintaan bayaran tinggi oleh Juruukur Perunding Swasta bagi pancangan tanah tapak untuk mendirikan rumah.

Menurut Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman, isu tersebut dibangkitkan kerana bayaran yang diminta adalah terlalu tinggi sedangkan peranan Juruukur Perunding Swasta hanya memeriksa dan mengesahkan dengan membubuh cop syarikatnya.

Sementara itu tambahnya, pemohon yang berada di kampung pedalaman bukanlah

orang berada dan mereka membina rumah adalah satu tanggungjawab bagi keperluan keluarga dan wang yang ada adalah ala kadar dan dibina secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan masing-masing.

Oleh itu, Yang Berhormat mengesyorkan supaya peraturan itu dikaji semula mengikut kategori tertentu sebagai contoh permohonan yang bernilai BND200 ribu ke bawah disahkan oleh Jabatan Ukur kerana apabila memasang pancang, pihak juruukur hanya mengesahkan sahaja dan pemohon inilah yang dapat difikirkan supaya mereka ini diberikan kelonggaran ataupun dikurangkan bayaran mengikut peraturan yang lama.

Bagi permohonan yang melebihi BND200 ribu ke atas jelasnya bolehlah diwastakan kerana golongan ini adalah golongan yang mampu dan ada sesetengahnya adalah pemaju perumahan.

Peraturan yang ada pada masa ini, ujarnya, menjadi satu bebanan bagi mereka yang tinggal di kampung-kampung pedalaman seperti membuat pelan rumah dikenakan bayaran tidak kurang BND1,000,

walaupun rumah jenis banglo mempunyai tiga buah bilik sahaja. Pembayaran bagi membuat pancang akan dikenakan BND1,400 ke atas, membayar pemasangan elektrik BND1,500, membayar bekalan air BND600 dan lain-lain seperti membina jalan masuk, menimbuk atau meruntuh tapak rumah yang kadang-kadang mencapai sehingga puluhan ribu ringgit.

Dalam mengulas perkara tersebut, Menteri Pembangunan menjawab, penentuan pancang perlu dibuat penentuan batu dan sebagainya kerana jika tidak akan mudah sahaja melanggar kawasan-kawasan orang lain.

"Ini selalu menjadi isu jika tanah walaupun adik-beradik, kalau sudah tidak betul akan menjadi isu juga. Elok jua ditentukan di mana sempadan sesuatu tanah itu," jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Walau bagaimanapun tambahnya, saranan yang dibuat akan diambil maklum dan akan dilihat dari segi mana dapat mengurangkan bayaran-bayaran kepada kerja-kerja berkenaan.

Tidak patuhi peraturan punca lambat proses pemecahan tanah



YANG Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Punca kelambatan proses kebenaran dan pengukuran pemecahan tanah antaranya disebabkan pemohon-pemohon yang tidak mematuhi peraturan-peraturan syarat-syarat tanah yang sedia ada seperti membangun dan membina bangunan tanpa kebenaran.

Selain itu, tanah yang terjejas dengan projek-projek kerajaan juga mungkin melambatkan proses pemecahan tanah, permohonan pemecahan tanah dan tanah yang ramai pemilik

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

ada yang tidak setuju dengan kedudukan pembahagian masing-masing.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan demikian semasa menjawab isu pemecahan tanah yang memakan masa lama yang dtimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf pada perbahasan Majlis Mesyuarat Negara hari ke-13 pagi tadi.

Semasa mengulas isu tersebut, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha difahamkan bahawa ia adalah mengikut giliran sehingga mengambil masa bertahun-tahun.

Dalam perkara tersebut, Yang Berhormat berharap mereka yang akan membina rumah diberi kelonggaran ataupun keutamaan untuk mengukur atau memecah tanah ini.

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan menambah, beberapa pemilik tanah tidak mahu mengikut cadangan skim pemecahan yang difikirkan sesuai oleh pihak kerajaan seperti bangunan-bangunan, rumah yang termasuk dalam simpanan jalan laluan atau terkena sempadan lot tanah dan sebagainya.

Di antaranya juga, jelas

Yang Berhormat Menteri Pembangunan, sebahagian pemilik tanah tidak setuju untuk menyerahkan simpanan laluan tapak *sub station* ataupun simpanan saliran itu.

"Ianya disebabkan permohonan yang terlalu banyak dan terpaksa menunggu giliran yang diproses. Memanglah di sebahagian pihak kalau terlalu lama itu sampai bertahun-tahun itu akan menjadi isu yang patut kita khawatirkan di Jabatan Ukur. Perkara ini akan kita teliti kenapa ia terlalu lama untuk

diproses," ujarnya.

Jelasnya, kelambatan juga boleh terjadi jika pemohon itu lewat datang menandatangani persetujuan pemecahan dan juga kelambatan pemohon untuk membuat pembayaran untuk pengukuran.

"Jadi semua ini adalah menyebabkan proses itu lambat. Walau bagaimanapun isu-isu dalaman di Jabatan Ukur akan kita lihat juga bagaimana untuk mempercepatkan proses permohonan tersebut," tambah Yang Berhormat Menteri Pembangunan.



ANTARA yang hadir menyaksikan persidangan ialah peserta Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Pertubuhan Bulan Sabit Merah diberi bantuan punyai Pusat Ibu Pejabat

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal berkata, Pertubuhan Bulan Sabit Merah di antara yang tertua di Negara Brunei Darussalam selain daripada Pengakap dan Pandu Puteri.

Yang Berhormat menjelaskan, pertubuhan ini lebih menjurus ke arah kerja-kerja kemasyarakatan dan sukarelawan serta belia-belia yang mengikuti pertubuhan ini patutlah dipeduli dan diasuh kerana ia merupakan satu pertubuhan yang sihat menjurus kepada kerja-kerja amal berbentuk pertolongan cemas dan rawatan.

Menurut Yang Berhormat, aktiviti yang mereka jalankan ini setentunya boleh menimbulkan minat di kalangan ahlinya ke arah kerja sukarelawan, kejururawatan dan pertubuhan-pertubuhan awam.

Memandangkan pertubuhan ini dianggotai oleh para belia, Yang Berhormat berpendapat mereka ini patut dibantu dalam pelbagai kemudahan seperti menyediakan sebuah bangunan yang bersesuaian dan mempunyai kawasan yang luas dan selesa untuk dijadikan ibu pejabat dan melakukan aktiviti-aktiviti mingguan dan bulanan.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah mengulas mengenai perkara tersebut menjelaskan, perkara ini diberikan perhatian sebab pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah pun memberikan bantuan-bantuan kepada NGOs termasuk Bulan Sabit Merah yang memerlukan bantuan termasuk bantuan untuk mempunyai Pusat Ibu Pejabat.

Yang Berhormat juga menambah, mereka adalah disarankan bagi membolehkan dan untuk mereka boleh memohon kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai dengan kesesuaian mereka untuk mendapatkan bantuan-bantuan yang diberikan kepada NGOs di Negara Brunei Darussalam.

Perlunya kapasiti, potensi belia dikembangkan

Laporan : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

ngunan yang lain ialah ke atas membangunkan kapasiti golongan belia melalui pendidikan dan program-program pembangunan belia yang meluas (all encompassing) yang mencakupi jati diri, disiplin, kemahiran, keusahawanan, kemasyarakatan dan kerohanian.

Apa yang jelas daripada Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2013/2014, ujar Yang Berhormat ialah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menterjemahkan hasrat dan matlamat yang terkandung di dalam titah-titah baginda mengenai peranan belia sebagai Aset Negara yang paling berharga dan perlunya kapasiti, potensi belia-belia dikembangkan dan dikembangkanmajukan.

Perkara ini ditekankan dalam titah baginda yang antara lain berbunyi:

"Golongan muda atau golongan belia itu mempunyai nilainya yang tersendiri untuk diambil manfaat oleh bangsa dan negara. Belia adalah Aset Negara. Kerana itu, agenda pembinaan belia adalah amat penting untuk diberi fokus. Mereka yang dibangun itu dan menjadi cermin kepada corak kepimpinan masa depan yang penuh dengan teka-teki. Jika mereka baik, maka kita pun boleh tersenyum lega, tetapi jika mereka menjadi insan yang cair moral, maka akan merintihlah negara memikul bebannya," demikian titah baginda.

Dalam mukadimahnyanya, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selanjutnya menjelaskan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan memfokuskan pelaksanaan Belanjawan kepada Wawasan Brunei 2035 yang matlamat utamanya merangkumi mempunyai penduduk berpelajaran dan berkemahiran, tahap kehidupan di antara sepuluh tertinggi di dunia, kemiskinan sifar dan ekonomi yang berdaya tahan adalah juga sebagai panduan di dalam menetapkan keutamaan bagi KKBS.

Kementerian, tambahnya, juga

akan berusaha sepenuhnya mengangkat penekanan tema Belanjawan Tahun Kewangan 2013/2014 iaitu, 'Belia Berwawasan, Pemangkin Pembangunan Negara Yang Berdaya Tahan' dengan menumpukan kepada pembangunan belia secara holistik yang akan menyumbang kepada pembangunan kapasiti golongan belia yang dilihat sebagai generasi harapan, yang akan mengambil alih tanggungjawab dan tugas sebagai pemimpin pada masa akan datang dan penggerak jentera pembangunan negara.

Dalam menyentuh satu lagi keutamaan dalam matlamat tahun kewangan iaitu memelihara dan meningkatkan kesejahteraan awam, peruntukan yang diberikan kepada KKBS, jelasnya, adalah mencerminkan keprihatinan dan pemedulian yang berterusan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara ini, secara keseluruhannya dari peringkat belia, wanita, warga emas, kanak-kanak, keluarga hingga kepada Orang Kurang Upaya, semua warga berkenaan tidak terlepas pandang diberikan pemerhatian sewajarnya dari pelbagai aspek termasuk penjagaan fizikal, bantuan kebajikan yang berupa elaun-elaun dan pencen umur tua, pembangunan kapasiti, bantuan 'micro-credit', pemulihan dan perlindungan undang-undang.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, peruntukan yang diberikan juga membolehkan KKBS untuk meneruskan penyediaan dan pembangunan prasarana sukan dan riadah, pemeliharaan budaya bangsa, penjagaan dan pemeliharaan khazanah, sejarah dan warisan bangsa, di samping memastikan pemartabatan bahasa Melayu dan kedudukan Tulisan Jawi yang semua ini menjurus kepada matlamat Wawasan Brunei 2035 ke arah mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk.

Membuka Pusat Kegiatan Warga Emas di daerah lain

Laporan : Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) merancang untuk membuka Pusat Kegiatan Warga Emas di daerah-daerah lain dan telah pun menerima tawaran untuk menaja bagi membina pusat berkenaan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata Pusat Kegiatan Warga Emas yang dibukakan di kawasan Lambak Kanan pada 12 Mac lalu adalah merupakan sebagai Projek Rintis dan telah menerima sambutan baik daripada penduduk-penduduk di daerah-daerah lain.

Yang Berhormat menjelaskan hal itu ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad pada Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Bangunan MMN, di sini.

Yang Berhormat berkata, Pusat Warga Emas mempunyai dua matlamat, pertama ialah bagi kegunaan warga emas sendiri untuk menggunakannya sebagai kegiatan-kegiatan mereka bagi mengisi masa lapang kerana kita mengetahui warga emas itu disebabkan oleh anak-anak mereka bekerja, cucu-cucu bersekolah, mereka menghadapi *emptiness syndrome* ataupun masalah kesunyian.

"Maka dengan adanya Pusat Kegiatan Warga Emas ini maka boleh datang berkumpul dan melakukan kegiatan-kegiatan berbentuk keagamaan, kebudayaan, kesusasteraan, pendidikan dan seumpamanya," ujar Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam waktu yang sama juga tambahnya, mereka boleh

menggunakan Pusat Kegiatan Warga Emas itu untuk menyumbang balik kepada masyarakat untuk pembangunan masyarakat dengan menunjuk ajar kepada generasi-generasi muda dengan mengadakan kelas-kelas bimbingan berbentuk kraf tangan, keagamaan, kebudayaan, pendidikan dan penguasaan itu mengikut pengetahuan kemahiran dan pengalaman masing-masing. Jadi mereka juga dapat meneruskan untuk menyumbang kepada pembangunan, negara, masyarakat dan bangsa.

Manakala itu menjawab saranan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, mengenai bantuan kepada orang-orang kurang upaya, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan seterusnya menjelaskan, sememangnya menteriannya mempunyai program-program ke arah memberikan bantuan untuk membangun

diri orang-orang kurang upaya mengikut dengan keadaan masing-masing dan mengikut keadaan keupayaan mental fizikal dan seumpamanya.

"Alhamdulillah di samping memberikan kemahiran-kemahiran asas kepada orang-orang kurang upaya itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah pun berjaya bagi menempatkan orang-orang kurang upaya ini untuk mempunyai pekerjaan di agensi-agensi sama ada dalam kerajaan ataupun di luar kerajaan seperti Tabung Amanah Pekerja, di Jabatan Pengangkutan Darat, di Kementerian Kesihatan iaitu di RIPAS, dan begitu juga di pihak swasta seperti HSBC dan DST," jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tambah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, untuk mengangkat dan memasarkan hasil-hasil kraf tangan itu, terdapat sebuah kedai hasil barangan orang-orang kurang upaya di Pusat Bahagia dan insya-Allah langkah-langkah

akan diusahakan untuk mengembangkan lagi ke arah sama ada kualiti yang dihasilkan dan juga memasarkan hasil-hasil yang dihasilkan oleh orang-orang kurang upaya berkenaan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.

Peraturan baru semua pelan melalui arkitek, konsultan melindungi pemilik, pelanggan bina rumah tidak menentu



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim dalam Musim Permesyuaratan Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kesembilan MMN.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mac. - Peraturan baru yang menghendaki semua pelan dibuat oleh arkitek dan konsultan untuk melindungi pemilik rumah ataupun pelanggan tersebut daripada membina rumah yang tidak menentu keadaannya.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menjawab usul yang dikemukakan oleh Yang

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal
Foto : Azmah Haji Ahad

Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai tanah atau pembuat rumah untuk membuat pelan yang lengkap dan melalui arkitek atau konsultan.

"Keluaran dana bagi kebanyakan penduduk luar bandar yang berniat untuk membuat rumah, peraturan tersebut adalah sangat membebaskan. Walau-

pun untuk membina sebuah rumah sederhana kecil daripada bahan kayu, untuk membeli bahan sahaja terpaksa mengumpul wang setahun atau lebih, apatah lagi untuk membayar arkitek dan konsultan. Kaola bertanya apakah penduduk yang kurang mampu ini boleh dipertimbangkan, diringkaskan ataupun dikecualikan daripada

peraturan ini," ujar Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

"Jika pelan rumah itu tidak menentu, ianya juga membimbangkan dari segi keselamatan. Tujuannya ialah untuk memelihara kepentingan pemilik rumah tersebut," jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada Majlis Mesyuarat Pertama Dalam Musim Permesyuaratan Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan MMN, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengakui jika menggunakan perkhidmatan arkitek dan konsultan, harganya adalah lebih mahal dan ini akan menimbulkan masalah kepada mereka yang tidak berkemampuan.

Perkara ini, kata Yang Berhormat Menteri Pembangunan, akan dikaji semula oleh pihak kementerian dan akan dibincangkan bagaimana cara untuk mengatasi isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman itu tadi

serta bagaimana pihak kementerian boleh membantu mereka yang ingin membangun rumah tetapi kosnya ataupun peruntukan kewangannya tidak mencukupi untuk menggunakan perkhidmatan arkitek dan konsultan.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Pelbagai kegiatan memartabatkan bahasa Melayu



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Kegiatan Bulan Bahasa sepanjang tahun akan diadakan sama ada di sekolah-sekolah, di maktab-maktab dan juga pihak-pihak swasta seperti ekspo buku dan sebagainya untuk membarigakan, mengangkat dan mendaulatkan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menjelaskan perkara itu pada Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuarat Kesembilan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan MMN, di sini.

Usulan tersebut ditimbulkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai Bulan Bahasa untuk dinaikkan lagi

Laporan : Abdullah Asgar
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

tarafnya dan mengadakan Tahun Bahasa.

Menurut Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, sememangnya apabila Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengadakan Bulan Bahasa, bukanlah bererti bahawa jika Bulan Bahasa itu diadakan untuk bulan Julai, tidak semestinya diadakan pada bulan Julai sahaja, tetapi itu adalah sebagai satu penamaan bagi suatu majlis.

"Semangat yang kita mahu ialah bukan sahaja di bulan berkenaan tetapi untuk sepanjang hari, sepanjang minggu dan sepanjang tahun," tambah Yang Berhormat.

Mengenai dengan kesan-kesan Bulan Bahasa, ujar Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, alhamdulillah setelah sekian lama Bulan Bahasa itu diadakan sejak tahun 60-an dan Bulan Bahasa telah diadakan semula pada tahun lepas, dengan adanya Bulan Bahasa itu, maka DBP menaikkan semangat dan kesedaran akan kepentingannya bahasa Melayu itu untuk diangkat dan dimartabatkan.

"Maka tidak perlu kita membutirkan apa kegiatan-kegiatan ataupun program-program, tetapi yang jelasnya ialah bagi mengangkat semula semangat kesedaran bahkan pentingnya Bahasa Melayu itu untuk dimartabatkan dan didaulatkan sebagaimana yang telah dihasratkan oleh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Sambutan Jubli Emas Dewan Bahasa dan Pustaka seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam," tegas Yang Berhormat.

Sementara itu, menjawab perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Haji Ramli bin Haji Lahit iaitu bagi penerapan budaya membaca, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, menjelaskan perkara tersebut telah diambil perhatian bagi perkara-perkara untuk mengadakan perpustakaan di kawasan masing-masing dan mengenai dengan ejaan Jawi, sememangnya perkara ini ada diambil perhatian dan alhamdulillah satu Persidangan Ejaan Jawi iaitu kaedah dan penyelarasan telah pun diadakan pada tahun 2012.

Ini kata Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, menuju ke arah menyempurnakan keselarasan dan kesempurnaan Tulisan Jawi di Negara Brunei Darussalam, malahan Kebawah DYMM juga telah pun menyarankan akan perlunya bagi penyelarasan penggunaan ejaan-ejaan Jawi terutama sekali mengenai perkataan yang menggunakan perkataan agama ataupun perkataan kitab dipastikan tidak berubah

maksudnya.

Jelas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, hasil daripada Persidangan Kebangsaan Ejaan Jawi tersebut, maka beberapa resolusi telah pun dibuat antaranya ialah bagi penubuhan satu Jawatankuasa Jawi Kebangsaan dan juga Jawatankuasa Penyelarasan Ejaan Jawi dan perkara ini telah pun di angkat kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) untuk penelitian dan pertimbangan seterusnya.

"Saya sendiri mengalu-alukannya kerana ianya bertujuan untuk menyempurnakan dan menyelaraskan penggunaan tulisan Jawi di Negara Brunei Darussalam seperti mana juga kekusaran di kalangan Ahli-ahli

Yang Berhormat yang menyuarakan perlunya keselarasan dan kesempurnaan penggunaan tulisan Jawi di Negara Brunei Darussalam," kata Yang Berhormat.

Manakala itu menjawab cadangan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad untuk mengadakan Perpustakaan Negara ataupun *National Library*.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan antara lain mengatakan perkara ini bukanlah diketepikan, tetapi pada masa ini ianya tidak diberikan keutamaan dalam peruntukan yang ada pada masa ini. Kerana KKBS masih lagi mengkaji mengenai dengan keperluan untuk pengwujudan sebuah *National Library* ini.



SEBAHAGIAN daripada penuntut sekolah menengah yang hadir pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.